

ASEAN jadi pengeluar teknologi baru

KUANTAN 28 Ogos - Negara-negara ASEAN perlu bersatu menjadi negara pengeluar teknologi baru menggunakan segala sumber yang terdapat di rantau ini dan tidak hanya menjadi negara pengguna, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, sejak sekian lama, industri-industri di ASEAN terlalu bergantung kepada teknologi asing dan sudah tiba masanya rantau ini mengumpulkan segala sumber dan menggunakan kelebihan yang dimiliki untuk membangunkan teknologi sendiri.

Katanya, matlamat utama ialah untuk membentuk masyarakat yang menguasai ilmu sains dan teknologi dalam pelbagai bidang, seterusnya mampu menjadi pengasas dan pencipta teknologi baru dalam bidang masing-masing.

"Untuk mencapai objektif tersebut, ASEAN yang terkenal kerana mempunyai hubungan erat dengan negara-negara di seluruh dunia boleh memanfaatkan hubungan tersebut untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan negara-negara tersebut," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Ti-

dak Rasmi Menteri-Menteri Sains dan Teknologi ASEAN (IAMMST) Keempat, di sini hari ini.

Najib berkata, negara-negara ASEAN juga perlu bergerak sebagai satu kumpulan dalam membantu rakyat masing-masing meningkatkan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi untuk menghadapi kesan globalisasi.

Beliau berkata, walaupun globalisasi masih pada peringkat awal tetapi kesannya sudah boleh dirasakan sekarang terutama apabila keadaan pasaran yang tidak menentu dan kenaikan harga minyak dunia.

"Penguasaan ilmu sains dan teknologi merupakan elemen penting untuk survival masyarakat masa kini dalam menghadapi globalisasi terutama bagi negara ASEAN yang bergantung kepada aktiviti perdagangan," katanya.

Katanya, semua orang mengetahui bahawa 'pengetahuan itu satu kuasa' dan ini sememangnya terbukti apabila negara-negara yang rakyatnya menguasai sains dan teknologi akan menjadi semakin maju dan ke hadapan.

Najib berkata, apabila memperkatakan mengenai sains dan teknologi isu 'mempunyai' dan 'tidak mempunyai'

merupakan satu realiti yang berlaku di seluruh dunia dan ia tidak terkecuali berlaku di rantau ini.

Katanya, di kebanyakan negara di dunia, banyak penduduk yang tinggal di pedalaman masih kekurangan daripada segi kemudahan keperluan asas seperti tiada bekalan air bersih serta elektrik dan sudah tentu mereka juga tidak mempunyai akses internet.

"Hasilnya, tempat-tempat ini akan terus terpinggir dari arus perdana pembangunan dan seterusnya perluaskan lagi masalah jurang digital di sesebuah negara," tambah beliau.

Katanya, jika keadaan itu berlaku, negara-negara yang menghadapi masalah itu akan terus ketinggalan dan kesannya akan dapat dirasakan oleh negara-negara sekitar seperti wujudnya peningkatan kadar jenayah dan perpindahan ke luar negara akibat daripada masalah kemiskinan.

"Kita tidak mahu keadaan itu berlaku di rantau ini dan dalam usaha untuk memastikan kemakmuran bersama, kita mesti menyatakan komitmen bersama dalam mengambil sebarang usaha untuk menyediakan rakyat dalam menghadapi cabaran masa kini dan masa depan," katanya.

Um - 29/8/2006

Matlamat utama ialah untuk membentuk masyarakat yang menguasai ilmu sains dan teknologi dalam pelbagai bidang

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri



NAJIB Tun Razak dan Jamaluddin Jarjis serta Menteri-Menteri Sains ASEAN selepas sesi foto pada majlis perasmian Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Sains dan Teknologi ASEAN, di Kuantan, semalam.